

13 fakulti jadi sandaran UPM

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) antara 11 pusat pengajian tinggi awam (IPTA) paling dinamik dan progresif di negara ini selaras dengan misinya menjadi pusat pembelajaran dan pendidikan terunggul.

UPM juga menetapkan misinya untuk terus memberikan sumbangan bukan saja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu, tetapi juga kepada pembentukan keayaan dan pembangunan negara.

Universiti itu yang diterajui Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Zoharie Bardaie, berpegang teguh kepada nilai pepandunya, Berilmu dan Berbakti.

UPM menetapkan lapan matlamat bagi merealisasikan wawasan. Setiap matlamat itu dalam bentuk yang boleh diukur pencapaianannya.

Matlamat itu ialah melahirkan graduan berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran berterusan.

UPM juga menetapkan matlamat keduanya menjadi universiti terkemuka di bidang penyelidikan, meningkatkan keupayaan sebagai pusat pembelajaran dan penjanaan ilmu serta teknologi pertanian.

Di samping itu UPM berusaha memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan serta membangunkan sumber manusia serta persekitaran profesional yang cemerlang.

Matlamat keenam ialah membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi melalui e-Universiti, menjala dan mengurus sumber ke-

UPM menetapkan lapan matlamat bagi merealisasikan wawasan

wangan universiti secara cekap dan berkesan serta meningkatkan kedudukannya sebagai Pusat Perkhidmatan Pembangunan Profesional dan Pendidikan Lanjutan.

Untuk itu, UPM ada 13 fakulti yang memerlukan kira-kira 56,000 pelajar pelbagai peringkat kursus, termasuk diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan PhD.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi menawarkan kursus pelbagai bahasa dan linguistik, termasuk bahasa Melayu, Inggeris, Kesusastraan Melayu dan Inggeris.

Kursus

Turut ditawarkan ialah bidang kewartawanan, komunikasi manusia, komunikasi massa, komunikasi organisasi, komunikasi pembangunan dan teknologi komunikasi.

Manakala Fakulti Ekologi Manusia menawarkan kursus ekologi keluarga, gender dan pembangunan, muzik, pengajian falsafah dan ketamadunan, pengurusan ekonomi keluarga, politik dan kerajaan, sains pengguna, sosiologi, sosiologi desa dan teknologi muzik.

Bagi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM menawarkan kursus perakaunan, ekonomi alam sekitar, ekonomi antarabangsa, ekonomi kewangan, ekonomi pembangunan dan perdagangan antarabangsa, ekonomi perindustrian, ekonomi sumber asli, kewangan

awam, pengurusan dan undang-undang perniagaan.

Fakulti Kejuruteraan antara paling banyak menawarkan kursus, termasuk automasi dan robotik pertanian, bio-alam sekitar, bio-informatik, bio-sistem, jurutera bio-pengeluaran, kaedah pengkomputeran dalam kejuruteraan dan kejuruteraan arroangkasa.

Turut ditawarkan, kejuruteraan alam sekitar, biokimia, bioproses, elektronik, getoteknikal dan geologikal, GIS dan geomatik, instrumentasi, kawalan dan automasi, kimia, komunikasi dan rangkaian.

Fakulti itu juga menawarkan kursus kejuruteraan kuasa elektrik, lebuhraya dan pengangkutan, makanan, mekanikal, mekatronik, pembentungan dan alam sekitar.

Selain itu, kursus kejuruteraan pembungkusan, perubatan dan bio-mekanik, proses makanan, rekabentuk, robotik dan sistem pintar, sistem dan perindustrian, sistem komputer, sistem pembuatan, struktur, sumber air, tanah dan air serta kejuruteraan tenaga.

Turut ditawarkan kursus keselamatan, kesihatan dan alam sekitar, pengurusan projek, pengurusan keselamatan dan kecemasan, perancangan dan pengurusan infrastruktur, perlادangan persis serta teknologi maklumat dan sistem multimedia.

BERSAMBUNG MINGGU DEPAN.